BEBaLziNe



DiY

isu 2

RM 1

INTRODUKSI BEBAL ZINE ISU KE-2

POLISI..

Saya tidak suka meletakkan sebarang polisi tetapi diharapkan anda semua maklum bahawa publikasi ini adalah intipati personal saya dan berkaitan dgn komuniti yg rata2 berorientasikan punk/hc dan komuniti DIY tempatan.Publikasi ini tidak mahu terikat dgn sebarang protokol dan jgn harapkan sesuatu yg boleh menjadikan kamu terkenal.

SCENE REPORT.

Sekali lagi saya amat mengharapkan rakan2 di sana dapat memberikan informasi mengenai aktiviti DIY di tempat kalian.Tidak kiralah anda sekadar travel ke tempat tersebut dan melihat aktiviti rakan2 di sana mahupun di tempat anda sendiri.Saya juga mengharapkan laporan2 persembahan diy yg kalian hadiri.Jika punya foto lagi enak untuk diletakkan di dalam zine ini.Scene report tidak semestinya mengenai band dan zine sahaja.Tempat2 hang out dan chill juga memainkan peranan penting untuk rakan2 mengetahui manalah tahu ada2 rakan yg ingin bertandang ke tempat anda bolehlah mereka gunakan informasi yg kalian sediakan.Jangan tulis pasal band yg dah rip dan tak berminat lagi dgn scene.Rakan2 yg dah dah beralih arah sudah.Itu memang secara automatik akan di tong sampahkan oleh pihak editor ya..

REVIEW...

Saya mengucapkan terima kaseh kepada beberapa kugiran yg sudi memberikan material mereka untuk saya reviewkan dalam isu ini.Sebarang review adalah dari buah fikiran saya sendiri.Dan saya bukanlah seorang yg mr perfect untuk memuaskan hati semua orang dgn apa yg saya berikan.Jadi saya harapkan satu komunikasi antara kalian supaya tidak timbul cakap2 belakang yg sangat menjelekkan sekali!!!!

KONTRIBUSI&KOLUMNIS

Saya amat sangat mengalu-alukan peranan kalian untuk bersama-sama saya menghasilkan zine ini untuk isu akan datang.Anda bebas menghantar apa sahaja yg anda rasakan perlu dan saya tekankan sekali lagi agar apa yg anda hasilkan tidak punya apa-apa unsur dari mana2 pihak dan lebih-lebih lagu unsur yg layak ditongsampahkan oleh pihak editor.Saya tidak memfokuskan sebarang topik untuk isu-isu berikutnya terpulanglah pada benak fikiran kamu untuk membicarakan mane2 yg



OUTRODUKSI BEBAL ZINE ISU 2

Perkara pertama yg membebankan saya untuk menyiapkan zine ini adalah sifat malas yg selalu meracun saya untuk bersenang-senangan tidur dan menghindari kehidupan untuk melakukan ape yg saya ingin lakukan.Saya sememangnya cuba melakukan yg terbaik bagi meneruskan publikasi ini untuk edisi berikutnya.Apa yg memungkinkan saya untuk meneruskan zine ini adalah kerjasama kalian memberi sokongan kepada saya bagi meneruskan aktiviti membuat zine.Kamu juga dapat melihat bagaimana merudumnya "zine culture" dalam komuniti punk/hc tempatan jika dibandingan dgn komuniti DIY di Indonesia mahupun Filifina.

Saya malas nak banyak bicara.Cakap pun tak guna tanpa melakukan apa2.Rajin rajinkanlah tangan anda tu dan mulakan komunikasi.Setakat berkompang saja tak mampu mengubah apa-apa keadaan bukan?

BENDA-BENDA LAPUK.

Ni lagi satu hal.Ada yg kata kita patut bicara benda-benda yg baru pasal pemanasan global la,globalisasi laa.Asas semua ni adalah kapitalisme.Kenapa Marxist menolak kapitalisme ada pro dan kontranya.Cakap lebeih2 dilabel macam bagus pulak.Punk/hc sepatututnya menjadi medium perkembangan idea dan alternatif.Nama pun sub budaya.Kalau masing2 nak menang tak nak terima pendapat orang lain susahlah.Dah takde beza punk tue dgn dunia normal.Makin lama saya rasa semakin pelik.Arah mana yg mereka nak pergi.Ah...lantaklah.Itu pendirian mereka,saya masih percaya pada DIY itu boleh bergerak sendiri tanpa bantuan korporasi.Dah memang terbukti mampu apa lagi yg kamu nak saya buktikan bahawa korporasi itu memang mementingkan keuntungan dan wang.Kalo dan bekerjasama dgn mereka dah tentu mereka kamu akan dipergunakan bagi memenuhkan poket2 mereka.Network DIY tue sangat luas cuma kamu malas nak discover.Macam2 alasan kamu beri kerja laa,studi laa itu laa dan ape lancau lagi yg kamu cakap.Itu semua escapism bukan saya tak pernah berada di situasi itu semua.Saya dan ada rakan2 saya mesih bekerja tapi masih boleh consider punk/hc ini.Dah lah saya dah muak dgn alasan-alasan basi yg kamu berikan.Tak minat cakap laa dah tak minat tak payah nak bermuka-muka.Habis cerita dan jgn nak mempersoalkan sampai bila saya nak macam ni.Saya berhak menentukan arah hidup saya.True ke tak true saya tak peduli.Dan jgn sibuk nak berkompanag masa zaman kamu dulu lagilah saya berbulu.Cukuplah kamu memang dah tak macam dulu.Kalo betul kau true kenapa sekarang kau berubah???

REVIEW VISUAL!

10 TAHUN SEBELUM MERDEKA(FILEM DOKUMENTARI PENDEK)

Saya sebenarnya agak buntu bila saudara Fahmi Reza meminta saya mereview filem ini dalam zine ini kerana sepanjang saya bernafas saya' tidak pernah mereview filem secara penulisan sebegini sekadar bercerita dgn teman2 di meja minum itu biasalah.Ok,berbalik pada filem ini ianya telah memenangi tempat pertama pad Freedom Film Fest 2007 pada Ogos yg lepas.Filem ini dihasilkan secara sendiri dan aku suke utk mengatakan filem ini mendukung pendekatan "DIY"(Fahmi juga seorang punk!).Hehhehe...Apa yg menarik mengenai filem ini adalah mengenai evolusi budaya politik tempatan dari "jalan" kiri yg tidak pernah ditonjolkan dalam buku2 sejarah sekolah,pusat pengajian tinggi apatah lagi rencana2 yg ditonjolkan di skrin2 TV anda.Saya akui yg diri saya sendiri lebih suka untuk mengintip sejarah dari sudut yg lebih "benar" kerana sejak dari alam persekolahan lagi saya dan mungkin anda sendiri dimomokkan yg mereka2 yg berhaluan kiri itu adalah pengkhianat ,penderhaka dan bermacam persepsi negatif..Berbalik pada dokumentari ini ianya memfokuskan mengenai 1947 mengenai dua perkara sgt penting saya ulangi SANGAT PENTING mengenai Perlembagaan Masyarakat yg dirangka oleh kelompok perikatan multiracial Putera AMCJA. Dan hari penting iaitu Hari Hartal.Hari Hartal merupakan hari titik tolak yg sepatutnya diajari dalam mata pelajaran sejarah dalam sekolah2 yg mana hari ini adalah hari penentangan kapital secara maksimum yg mana pada hari ini seluruh penduduk Tanah Melayu pada ketika itu melakukan sabotage besar-besaran dgn menghentikan segala aktiviti ekonomi sebagai tanda protes terhadap British.Saya tidak mahu mengulas aspek pembikinan,dari segi lakon layar dan sebagainya kerana apa yg sebenarnya yg patut anda semak adalah isi dan apa yg ingin disampaikan oleh pembikin filem ini dalam menjelaskan mengenai perkara-perkara yg tidak pernah ditonjolkan dalam sejarah yg sepatutnya ada dalam catatan sejarah.Mungkin kerana kita domomokkan bahawa mereka yg berhaluan kiri itu adalah pengkhianat atau penyeleweng maka apa sahaja yg mereka lakukan adalah salah secara total!!!Saya teringat saat saya membaca buku mengenai Rashid Maidin dan saya di tegur oleh seseorang kerana membaca buku tersebut atas alasan komunisme itu pengkhianat dan sebesar-besar contoh terbaik adalah filem "lelaki komunis terakhir" di black list atas alasan pengaruh komunis.Yeah...inilah realitinya.Prejudisme yg diterap dalam komuniti secara total dgn alasan2 yg amat jelek bagi diri saya.Hurm...

Saya melihat ini adalah satu permulaan yg bijak bagi saudara Fahmi bagi meneroka bahagian sejarah yg tidak pernah didedahkan dan apa yg menarik juga produksi ini menyokong penuh idea anti hakcipta yg mana anda boleh memuat turun filem ini menerusi internet atau copy sahaja melalui beliau di mana2 both yg ada.Jadi saya sangat menyarankan file mini kepada kamu untuk ditonton dan sama2 berfikir...yeahhh!!!

10tahun.blogspot.com
www.myspace.com/10tahunsebelummerdeka.

kamu rasakan relevan.Saya sama sekali tidak mahu menyekat kebebasan kamu menulis tetapi fikirkan apa yg patut ditolak.Harap maklum!

Apa lagi kalian tunggu..ayuh buka ruang komunikasi dan dekat kan jurang network anak-anak diy sekalian

Azizi grindcore@yahoo.com
Bagi yg ingin menghantar snail mail harap dapat hubungi saya dahulu untuk urusan alamat
Add saya di myspace juga teruslaju@hotmail.com




LESEN KENDERAAN MOTOR
ROAD TRANSPORT ACT 1987 MOTOR VEHICLES (REGISTRATION AND LICENSING) RULES 1959
MOTOSIKAL No.SIRI : 8311272
20 JAN 2005
MAW1007
00943 TU 10082004 MAW1007 RM20.00
108011 KALSOM 20012005 109 SP AA 2201051
CASIS : KFLM-5027229 Z6-30125
INS1 : 08 KVX0233968 RM0.00
INS2 : 08 1521078 035100
SALINAN
LESEN INI TIDAK SAH KECUALI ADA CAP MESIN PENERIMAAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

Gambar hiasan sahaja

KEHIDUPAN SELEPAS BEBAL ZINE ISU PERTAMA...

Salam solidariti buat semua pembaca.Pertama sekali saya ingin mengucapkan berbanyak2 terima kasih pada semua individu yg memberikan sokongan pada zine ini untuk isu pertama.Saya sangat menghargainya.

JALINAN KOMUNIKASI..

Sejak rilis isu pertama ini jalinan komunikasi antara rakan2 DIY semakin erat.Saya mendapat banyak rakan2 baru dan juga rakan lama berhubung kembali selepas membaca zine ini.Dgn medium komunikasi yg semakin meluas terutama menerusi internet,jalinan solidariti anak2 punk semakin berkembang erat.Saya amat sangat gembira dgn semua teman2 yg saling berhubungan memberikan feedback mahupun sekadar bertanya khabar.

ZAMAN KEMEROSOTAN ZINE TEMPATAN?

Ramai orang bercakap tentang ini.Secara peribadi saya tidak mahu ambil peduli kerana saya lebih percaya pada apa yg anda lakukan bagi mewujudkan kembali era kegemilangan zine2 diy satu ketika dulu.Pergi gig dan melihat banyak zine dijual.Tepuk dada dan berfikir.Teman2 banyak mengatakan teknologi satu puncanya.Zaman myspace dan blog2 sekarang menjadi medium perantaraan paling anak.Saya masih senang membaca buku kerana nilai estetika pada buku itu sendiri berbanding membaca mengadap skrin komputer.Mungkin juga faktor kemalasan membaca di kalangan2 rakan kita dan diri saya sendiri.Jadi ape penyelesaian anda?

CORAT-CORET KEHIDUPAN

Kehidupan lewat ini masih seperti skala biasa disogok modeninasi,globalisasi dan kebanjiran pemodal2 kapital yg terus mengaut keuntungan dari hasil2 tempatan.Saya dan anda juga tidak boleh lari darinya.Budaya konsumerisme menyerap dan meracuni pemikiran kita.Dari iklan tv sampai lah ke papan iklan billboard di tepi2 jalan masakan kita boleh lari melihatnya?Hidup saya tetap berputar pada skala sama menikmati kehidupan yg kadang2 kala memualkan dgn isme-isme itu dan ini.Konflik diri dan juga perdebatan isu2 yg menjana minda.Agenda kehidupan tetap perlu diteruskan walau ape juga yg berlaku selagi saya masih hidup.

"KALO DAH PERGI TAK MASUK BAIK JANGAN PERGI"

Ini satu ayat seorang teman saat saya pergi ke gig indie di sebuah hotel di sini beberapa waktu yg lalu.Heh...sememangnya saya harus akui bahawa situasinya adalah jauh berbeza dgn persembahan2 punk/hc yg saya hadiri.Sekali seronok juga ke persembahan2 seperti ini.Benar kata abg debik yg bila pergi gig indie jgn yg mereka ingin sampaikan terutama kepekaan mengaenai kedaan sosio politik di tempat mereka,perihal kekejaman sistem kapitalisme dari pelbagai aspek,revolusi2 yg dilacurkan di mtv dan kelompok punk sendiri etc.Juga penjelasan panjang lebar serta paling menarik beserta artwok2 sarat kritis.Muziknya punk rock energetik dinyanyanyikan dalam bahasa ibunda mereka dan dipenuhi dgn part nyanyi beramai2.Wah...saya begitu teruja dgn band ini...Carilah jika anda inginkan sesuatu yg beridea!!

violenciavioleta@sapo.pt
www.myspace.com/violenciavioleta

YACOPSAE-fastcoregraphy cd

Yeah...yeah...yeah...Saya amat gembira bile cd ini berada dalam tangan saya.Saya sudah lame menyintai band ini dan saya yakin rakan2 pecinta muzik fastcore juga menyintai cd mereka.Yacopsae mengenengahkan permainan muzik pantas ..hiperaktif yg begitu memukau pendengaran saya utk melompat sendirian di kamar saya.CD ini adalah diskografi sebahagian rilis mereka dari pada awal kemunculan mereka dair pengaruh power volence sudah semestinya pengaruh Bay Area pada era Spazz,Capitalist Casualties etc sehinggalah terjahan fastcore dgn sebahagian part nyanyi beramai2.Saya tertarik mengenai pendirian band ini dalam sleeve mereka mengenai perihal lirik dan adakah band itu benar2 mempraktikkan ape yg mereka nyatakan Ternyata banyak band menyanyikan perihal perang tetapi tidak pernah mengambil pusing langsung apa yg berlaku mengenai bahana perang itu sendiri.Bagaimana sibuk berkepak pasal revolusi tetapi diri sendiri masih malas ambil peduli maka punk itu tidak ubah dari revolusi kosong rock and roll bukan?
Kolaberasi beberapa label diy seantero dunia untuk rakan2 lokal cuba kontek epidemic:epidemic_distro@hotmail.com

YOUNG AND DANGEROUS-dangerous youth and the life saving thrash punk tunes! Cd

Wow..pakej cd ini didatangkan dalam kotak dvd yg sangat bewarna – warni.Satu inisiatif yg bijak dari band dan label yg meriliskan cd ini.Tetapi secara jujur saya agak kecewa dari segi produksi.Kualiti bunyi bagi saya agak biasa untuk diriliskan dalam format pro-cd.Ntah lah mungkin band lebih senang dgn sound tersendiri tetapi secara peribadi saya mengharapkan sesuatu yg berbaloi untk dimiliki.Corak permainan muzik seakan Razor Edge Terdapat satu lagu hampir sama giler dgn Razor Edge pula.YxAxD adalah band punk yg aktif dari Jb dgn beberapa rilisan.Secara peribadi saya amat mengharapkan mereka menghasilkan alunan irama yg menarik untuk didengar dan akan suke untuk menghayati lirik2 mereka juga pada masa akan datang dan tidak terlalu mengikut band kegemaran mereka sahaja.Terus aktif YxAxD!!
kontek:xstandpointofmindx@yahoo.com

to be mascot".Lihat ya.."rockstar Slayer mtv movement/The Stroke,The Killer,Im garage Slayer/Im not the mascot for your fukking band.Maskot?Saya meminati era awal Slayer dan semestinya Municipal Waste?.Ada ke anak muda berbandana buat band bertopengkan The Strokes?Saya tidak tahu pulak dan malas ambil tahu asal mereka senang dan tidak mencabul hak saya.Go on!Saya rase band perlu memberi penjelasan mengenai apa yg mereka ingin sampaikan pada sesetengah lirik supaya tidak menimbulkan kekalutan pada pendengar.Silap2 boleh menimbulkan kontroversi.
vatoxvitxthrash@yahoo.com.sg

TERRAGONY-Mundo Famelico cd

Band dari Mexico ini tidak mengecewakan saya.Mereka bijak memanipulasikan irama dark-crust(semestinya Tragedy),hardcore dan thrash dan serangan bertali arus grindcore.Dgn gentel2 metal dan riffing2 bertali arus saya membayangkan live set bila berada di hadapan mata saya.Saya senang dgn irama grindcore yg menampilkan kelainan dgn lirik2 kemarahan anti kapitalisme,homophobia,fasisme dan korporasi multinasioanal.Corak permainan drum yg begitu energetik mempengaruhi langsung persembahan muzik mereka.Suatu rilisan yg patut disemak!
Magnicidio Records
anarcogrind@hotmail.com

THE ITSUKAS OVER DISNEYLAND-O Guino cd.

TIOD adalah band punk rock dari Filifina mengingatkan saya pada band2 epitaph dan pastinya nama terlintas di benak saya adalah Bad Religion dgn disertakan part nyanyi beramai2 sesama mereka.Apa yg menarik utk saya katakan mengenai mereka adalah perhatian tehadap apa mereka nyanyikan ternyata mereka memberikan penjelasan panjang lebar mengenai apa yg mereka suarakan.Dan inilah yg membuatkan saya tertarik dgn mereka.Seseuatu yg menarik untuk didengar dan dihayati!
Infoi notorious@yahoo.com
www.catfoodmoney.org

THREE WAY GRINDCORE KNOCKOUT PART 2-3 WAY SPLIT CD

Kali ini menampilkan Hen sebagai pembuka tirai cd ini band dari Singapore ini menampilkan 10trax grind yg berbaur humor.Muzik grind raw mengingatkan saya pada G-Anx(mereka juga membawa cover band ini) dan Assuck.Saya ingin mendengar mereka lagi dan lagi!Splitter tidak begitu menarik perhatian saya memandangkan semua track adalah kitar semula dari full length mereka sebelum ini.Band terkahir adalah Endless Nameless dari US.Pertama kali mendengar mereka saya memang menyeramkan dgn vokal kejam baik dari growl dam scream.Ternyata mereka senang dgn metal pada kebanyakan riff mereka.Yup mereka adalah band mince/grind yg patut disemak.Lagi rilisan tanpa lirik!!!
blastwork@yahoo.com

VIOLENCIA VIOLETA-Violent Living

Jika untuk komuniti punk Asia Tenggara pasti anda sukakan band street punk/rock Marjinal dan jika di Portugal,band ini adalah jawapannya.Sarat beridea dgn lirik2 yg begitu memberikan saya energi untuk terus mengikuti ape yg mereka ingin sampaikan.Mereka juga memberikan penjelasan panjang lebar tentang apa ego dgn jiwa punk anda.Situasinya memang akan jauh berbeza dgn ape yg kamu selalu lihat.Pergi dan lihat dgn fikiran terbuka tanpa perlu jadi pengkritik.Kerana ianya sia2.Perbezaan itulah yg membezakan komuniti diy dgn mereka.So enjoy kamu sudah pun membayar tiketnya jgn merungut deh~!:)

KETAGIHAN MENONTON FILEM FORMAT CAKERA VIDEO DIGITAL.

Ini satu ketagihan baru.Beberapa lewat ini selain ketagihan membaca buku saya mulai menyelongkar filem2 panggung yg rare.Sememangnya industri plagiat di sini memberikan ruang buat saya mendapatkan filem2 yg rare untuk ditonton.Kebangkitan panggung2 di Asia terutama filem2 dari Iran,pembikin filem independent India dan Negara seberang Indonesia.Bagaimana dgn produksi tempatan?Saya meminati filem2 pendek dari pengarah2 indie tempatan.Semestinya saya memilih filem yg bebas dan ruang tanpa "cencorship".Untuk kali ini buat pertama kalinya saya mereview filem karya seorang teman.CENCORSHIP SUCKS!

SENARAI MAIN ISU INI.
-4 way split cd-r 2.(fukkinn awesome noisecore!)
-kerena neko-advanced trax for upcoming release(hellish raw assault grind!!!)
-DAITRO-all
-7inch punk.com-cool punks mp3 download site.
-infinite delay-live
-from Beirut to juresalem-books
-malaysian politicians says the darndest things-books
-10 thn sebelum merdeka-film(viva hari harta!!!!)
-caruburator dung-live at Annexete 31/12/07
-kata zine isu #3.

KOLUM EDITOR ISU 2.



Saya akui yg saya tidak 100% mempraktikkan DIY dalam kehidupan saya namun saya cuba untuk memaksimumkan idea2 DIY dalam setiap apa yg saya lakukan dalam kehidupan saya.Kelompok lazimnya dikaitkan dgn komuniti punk/hc dalam setiap penghasilan material dari segenap aspek dari segi rakaman,produksi sehinggalah pada distribusi.Dari penganjuran acara juga tidak bergantung pada banner dan penajaan korporasi besar kerana anak2 diy mampu menganjurkan secara kolektif sesame mereka dgn solidariti yg ada.

Kekuatan aksi dan filosofi DIY didukung penuh dgn kerjasama erat anak2 punk/hc itu itu sendiri.Punk itu sendiri adalah resistansi dan konsepnya mengelak segala bentuk hirarki,perbezaan kelas dan pergantungan pada korporasi bagi menjalankan aktiviti mereka.Apa yg saya ingin fokuskan adalah mengenai komuniti lokal yg saya mula merasa bosan kerana ada segelintir yg "menjaja" dan saya lebih enak melacurkan diy bagi memenuhi agenda mereka.

Fenomena ini memang akan berlaku bila sesuatu komuniti itu menjadi ramai dan masing2 cuba menegakkan benang yg basah dan mengatakan mereka benar walhal sudah ternyata mereka tidak ada beza dgn kaum kapital yg mula membontotkan solidariti atas nama keuntungan.Saya ada terbaca yg istilah "distro" itu tidak lagi dipakai oleh kelompok punk/hc sahaja di Bandung malah terdapat lebih 200 distro di Bandung yg menawarkan fesyen anak muda terkini.Dan saya yakin perkara ini tidak mustahil terjadi di sini.Lewat ini juga saya melihat sesetengah persembahan kugiran hardcore tempatan didukung oleh penajaan korporasi dan agensi pemerintah.Scara personal bagi saya ianya sudah jauh menyimpang dari konsep DIY itu sendiri yg mana DIY menolak secara total pergantungan kepada pengusaha kapital untuk menggerakkan persembahan DIY itu sendiri kerana pada akhirnya keuntungan akan pasti memenuhi poket-poket mereka.

Satu konsep yg abstrak utk didefinisikan sebagai satu sub-budaya.Beza DIY adalah tidak berkiblatkan keuntungan dan acara2 DIY yg dilakukan bukan atas dasar mahu menghasilkan keuntungan maksimum.Jika punya keuntungan ianya akan diguna-pakai untuk acara berikutnya dan juga aktiviti-aktiviti seperti pengedaran pamphlet dan rilisan-rilisan diy yg lain.

Adalah sesuatu yg kelakar bila sebuah kugiran masih berkepak soal diy saat mereka di wawancara oleh stesen MTV.Dan bagaimana pula kugiran hardcore yg berkongsi pentas dgn kugiran yg hanya berkiblatkan muzik semata2.Adakah idea yg ingin kamu tawarkan melalui telinga2 yg pekak dan tidak mahu mengerti apa juga yg bertenaga sarat dgn paluan metal mengingatkan saya pada Nasum,Pigsty dan kugiran2 awal Earache yg lain.Dgn paluan double paddle.serangan grind yg lama dan vokal growl katak,saya ulangi growl ala katak dan raksasa gorgon dalam kisah ultraman.Lirik penuh kemarahan mengenai dunia yg penuh caca marba..Giler..begitu energi sekali band ini ketika melihat video live set mereka di laman you tube.Rakan pecinta muzik grind pasti menyintai mereka!
info@poppyseedgrinder.cz
www.poppyseedgrinder.czech

PROVOKASI-Reh. Cd-r
D-beat rock and roll eh?Satu percubaan yg bijak dari rakan-rakan dari ibu kota.Saya mendapat reh ini saat mereka bermain di sini pada beberapa waktu yg lalu.Rata2 line up mereka adalah seniman yg aktif bermain alat muzik sekitar jalanan.Trax kegemaran saya adalah calypsocore(flower not power) dan oppression.Rock beb!.Jangan harapkan produksi yg menarik bagi reh. Ini.Diharapkan agar mereka terus aktif selepas ini.Urghhh!!
micedtesticles@yahoo.com
myspace.com/minscedtesticles

RATTUS-30th Anniversary of Rattus cd
Rata2 ramai anak2 punk cukup mengenali Rattus.Cd ini menampilkan unreleased track mereka yg kebanyakannya diambil dari live set mereka dari 1979-2006..Cd ini adalah satu kenangan 30thn mereka menjadi punk.Dgr kan evolusi muzik mereka dari 1979 sehingga 2006.Dari 77s punks sampai ke raw finnish crust yg cukup sinonim bagi anak2 punk hari ini.Rattus cukup legenda bagi mereka yg mengikuti scene diy punks dan dapatkan cd ini jika berkenan.
Black konflik records
blackxkonflik@yahoo.com

SKULLCRUSHER-Darkness Fall cd
Band ini cukup amat dikenali dalam arus crust/d-beat tempatan.Bagi setiap live set mereka kamu pasti teruja menyanyikan lagu perang jahanam beramai2.Track2 dalam cd ini sebenarnya sudah lama terpendam dan akhirnya berjaya juga diriliskan oleh Black Seeds records.Suatu produksi yg benar2 memuaskan audio telinga saya.Alunan irama modern d-beat yg begitu memukau membuatkan saya headbanging sendirian.Sememangnya saya cukup berpuas hati dgn permainan muzik mereka dgn pengaruh rock 80an dari corak permainan gitar dan lantunan d-beat yg begitu energetik.Terasa semangat crust yg begitu tepu.Apa lagi,carilah rilisan ini dan ianya sangat berbaloi untuk dijadikan koleksi selari dgn Skitsystem,Anti-Cimex.Wolfbrigade dan kugiran2 d-beat kegemaran kamu yg lain!Sgt direkomandasikan!
blackxseeds@yahoo.co.uk

TANJONGXRAMBUTAN-desepficul
power violence demo cd-r
Power violence?Saya mula membayangkan era Spazz,Man Is A Bastard, Charles Bronson dan beberapa kugiran lagi ketika penghujung 90an dahulu.Pernah suatu masa dulu muncul sentimen 'anti Spazz nation" yg seolah2 anti dgn anak2 muda yg meminati Spazz.TanjongxRambutan tidak seperti digambarkan seperti tajuk demonya.Secara personal mereka memainkan muzik thrash yg simple.Mungkin seperti AnjingxTanah.Di indo sendiri berpuluh2 band bermain seperti anjingxtanah dan fenomena ini juga meresap ke komuniti tempatan.Apa lagi band2 streotaip yg akan muncul selepas ini?.Ini adalah sesuatu yg biasa didengar.Saya tertarik dgn trax "im not the man who suppose

band hanya mementingkan corak permainan muzik sahaja tanpa memikirkan lirik juga memainkan peranan sebagai pendirian band itu sendiri atau mungkin mereka hanya berminat dgn genre2 tertentu semata2 dan tidak peduli langsung pasal idea2 dalam punk/hc malah malah mungkin malu nak mengaku punk!.Entahlah..sukatilah.Saya agak kecewa dgn keadaan begini!
Fujicolor_band@yahoo.com

INHASTE-The Wreckage cd
Inhaste menjanjikan permainan hc crust yg enak bagi kepuasan audio telinga saya.Sangat jarang menjumpai band2 yg memang memainkan muzik2 sebegini lewat ini.Inhaste berjaya memastikan penguasaan audio dgn beat2 crust dan hardcore serta terjahan vokal yg begitu mempersonaLirik mereka juga bijak seperti trademark band dari US yg begitu menraik dgn stand2 politikal yg tepu.Ternyata arus yg mereka mainkan tidak mengecewakan saya untuk terus menikmatinya seadanya waktu!
Shitlist21@yahoo.com
www.inhaste.com

IRON CAGE-We Turn Our Heads cd
Pakej cd ini lain seperti yg biasa anda lihat.Dgn A3 seperti zine dan dilekatkan cd didalamnya.Iron Cage menjanjikan kepuasan audio 90s emo hardcore yg amat sinonim dgn band France seperti Anomie,Fingerprint mahupun Alcatraz.Saya amat jarang mendengar band2 hardcore membawa irama sebegini lewat ini terutama bagi komuniti punk/hc tempatan.Mereka juga sangat politikal membicarakan perihal caca marba dunia yg semakin sarat dgn eksploitasi kapital yg mana2 jurang2 antara manusia semakin dijauhkan bagi memenuhkan nafsu rakus material meraka.Band dari Netherlands ini berjaya menawan hati saya dan saya menanti untk mendengar rilis mereka seterusnya.
lc_emo@yahoo.com
Ironcage.tk

MAGRUDERGRIND/SHITSTORM-split cd
Oh...grind....grind...grind...Yeah..saya amat ketagih dgn grindcore!!!Kamu tak suka?Peduli apa saya.Magrudergrind menjanjikan kepuasan audio maksimum dgn lebih part grindcore pada kali ini berbanding rilisan mereka sebelum ini dan ini amat menggembirakan saya dgn kelajuan maksimum tak peduli lampu merah ke tidak dan kali ini disertakan suara growl menambahkan lagi aroma grindcore sedia ada..SHITSTORM juga tidak mengecewakan saya menampilkan penguasaan grindcore primitif yg tepu dgn alunan grindcore sekolah tua yg sarat pada setiap lagu.Sound mereka juga raw!!.Suatu split yg enak dimiliki buat pedamba muzik grind!!!.Dari segi lirik Magrudergrind memberikan lirik yg berkisar perihal reality dunia dan merea agak serius dgn lirik berbanding rilisan sebelum ini.Shitstrom pula memberikan lirik2 sinikal terutama pada lagu Rent A Cop.Plus saya amat mengagumi cover artworknya!!
Fuck Yoga:www.hellmilitia.com

POPPY SEED GRINDER-Oppressed Reality cd
Rep Czech memanglah suatu tempat yg begitu kaya dgn pelbagai kugiran grind yg begitu memukau pendengaran saya.CD ini adalah rilisan tahun 2002 dan terima kasih kepada seorang teman dari sana yg sudi trade cd ini dgn saya.Secara muzikalnya kugiran ini memainkan muzik grind laju dan

kamu sampaikan kerana mereka hanya mahu datang untuk berhibur sahaja?Saya tidak mahu menuding jari kepada sesiapa kerana kamu juga boleh berfikir apakah idea yg ingin kamu tawarkan itu sekadar gah di suatu tempat tanpa memperdulikan filosofi yg kamu sendiri dukung?

Saya tidak mahu menghakimi kamu kerana bagi saya untuk mendukung sub-budaya ini dan mempraktikkan DIY dalam aktiviti yg kamu lakukan adalah begitu mudah sekali.Kamu sendiri boleh berfikir yg mana patut kamu tolak dan yg mana patut kamu dukung.Bila sesuatu itu betentangan dgn anatomi DIY itu kamu sendiri secara automatik akan menolaknya.Saya juga tidak menafikan yg saya juga mengunjungi acara tidak DIY tetapi itu bukanlah bermakna saya melacurkan ape yg saya pegang.Perkara picisan seperti ini bukanlah satu suatu masalah bagi sesiapa juga sekalipun kerana untuk mengukur setepu mana kamu berpegang pada DIY itu adalah suatu yg subjektif.Tepuk dada kuat-kuat dan saye rase kamu sendiri mampu berfikir secara rasional bukan?

